



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN

UHMS 1182 (PENGHAYATAN ETIKA & PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

TUGASAN KUMPULAN

NAMA AHLI KUMPULAN :

Hanis Rafiqah Bt. Hisham Razuli

Nur Haznirah Bt. Hazman

Erica Desirae Mauritius

Navinthra Rao A/L Venkatakumar

Phang Cheng Yi

NO MATRIK:

A20EC0041

A20EC0114

A20EC0032

A20EC0104

A20EC0131

DISERAHKAN KEPADA:

DR. ANA HAZIQAH A RASHID

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
PENDAHULUAN	/2
FAKTOR-FAKTOR	/5
KESAN-KESAN	/5
KESIMPULAN	/2
RUJUKAN	/2
REFLEKSI KENDIRI	/1
LAMPIRAN	/1
MEKANISME PENULISAN	/2
JUMLAH	/20

SENARAI KANDUNGAN

Tajuk	Muka Surat
A. Pengenalan	1-3
B. Faktor-Faktor	4-7
C. Kesan-Kesan	8-10
D. Kesimpulan	11-12
E. Rujukan	13-14
F. Refleksi Kendiri	15-17
G. Lampiran	18-19

TUGASAN KUMPULAN

A. Pengenalan

Dalam meniti arus kemodenan ini, teknologi maklumat dan komunikasi berkembang pesat seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Kewujudan internet dan media sosial memainkan peranan yang amat signifikan sebagai suatu wahana yang menjalinkan semua warga di seantero dunia tanpa batas. Apakah itu media sosial? Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi keempat, media bermaksud alat atau pengantara dalam komunikasi ataupun perhubungan seperti telefon pintar manakala sosial bermaksud segala hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan. Eksplisitnya, media sosial secara umumnya membawa erti sebagai saluran sosial dalam berkomunikasi. Selain daripada itu, media sosial turut didefinisikan sebagai sebuah kelompok aplikasi berasaskan internet yang membangun di atas dasar ideologi dan teknologi Web 2.0 dan yang memungkinkan penciptaan dan pertukaran ‘user-generated content’ (Kaplan, A. & Haenlein, M.2010). Contoh-contoh media sosial yang paling kerap digunakan oleh masyarakat kini ialah Facebook, YouTube, Telegram, Instagram, WhatsApp, WeChat, Pinterest, LinkedIn dan Twitter. Sebelum penggunaan media sosial menjadi lazim, paparan di dada akhbar, siaran di kaca televisyen dan hebahan di corong radio merupakan cara masyarakat memperoleh maklumat dan berkomunikasi dengan menggunakan telefon rumah. Namun, terdapat pengehadan kepada para pengguna dalam penggunaan media biasa seperti akhbar, majalah atau televisyen kerana para pengguna sukar untuk meluahkan perasaan, pendapat atau pandangan secara bebas terhadap sesuatu perkara yang disiarkan. Akan tetapi dengan adanya media sosial, para pengguna dengan mudahnya dapat memperoleh koleksi gambar yang cantik, menikmati video dan lagu semasa mengikut trend, meningkatkan ilmu pengetahuan, mengetahui cara hidup orang lain, berkongsi status terkini sendiri dengan rakan-rakan dan menguruskan perniagaan secara online selain melemparkan pendapat masing-masing dan dapat berkomunikasi secara holistik dan syumul ke seluruh dunia tanpa halangan.

“Pada tahun 2020, terdapat lebih daripada separuh dunia menggunakan media sosial dan 4.57 bilion orang di seluruh dunia menggunakan internet bahkan antara 346 juta orang daripada 4.57 bilion orang ini merupakan pengguna baru dalam dua belas bulan terakhir ini. Salah satu faktor dominan yang mendorong kepada peningkatan yang pesat ini ialah pandemik Corona Virus. Di Malaysia, statistik Digital 2020 menunjukkan bahawa terdapat 26.69 juta pengguna internet dan terdapat 26.00 juta pengguna media sosial pada Januari 2020. Jumlah peningkatan pengguna

internet antara tahun 2019 dan tahun 2020 adalah sebanyak 919 ribu (3.6%) manakala jumlah peningkatan pengguna internet antara April 2019 hingga January 2020 adalah sebanyak 1.0 juta (4.1%). Penembusan internet dan media sosial masing-masing mencapai 83% dan 81% pada Januari 2020.” (Kemp, 2020). Globalisasi yang sedang berlaku di era moden ini berkait rapat dengan kebangkitan penggunaan media sosial dan internet. Masyarakat bebas berkomunikasi antara satu sama lain tanpa mengira kewarganegaraan dan jarak. Kebebasan bersuara, memberi pandangan dan menyebarkan maklumat dapat dilaksanakan hanya dengan menggerakkan satu jari melalui media sosial. Oleh hal yang demikian, etika semasa menggunakan media sosial menjadi satu keperluan demi mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat di merata-rata dunia. Etika semasa menggunakan media sosial menjadi sesuatu perkara yang tidak dapat ditalpa oleh setiap lapisan masyarakat. Apakah itu etika? Perkataan ‘etika’ berasal dari perkataan Yunani iaitu ‘ethos’ yang bermaksud ‘watak’. Etika merupakan piawaian yang berasaskan betul dan salah terhadap perbuatan atau tingkah laku seseorang dalam melaksanakan kewajipan manusia (Malai, 2018). Di media sosial, etika adalah panduan tingkah laku dalam konteks masyarakat ketika menggunakan media sosial. Etika yang betul adalah sama dengan perspektif yang betul dan pemikiran yang tepat tentang bagaimana seseorang memanfaatkan media sosial dengan betul dan bagaimana memperkaitkan media sosial dengan orang dengan cara yang betul. Masyarakat perlu membuat pengadilan tentang nilai sesuatu perkara dan kemudiannya mengambil tindakan berdasarkan nilai yang dipilih. Pembentukan etika dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti naluri, adat resam, kepercayaan dan agama, pengaruh keluarga, pengaruh rakan sebaya, pengalaman hidup, nilai peribadi dan faktor keadaan (Yusof, Abdullah, Mokhtar, & Manap, 2017). Pegangan nilai masyarakat turut menjadi faktor kaitannya. Norma yang baru ini menyedarkan Kerajaan Malaysia untuk mengambil inisiatif dengan menerbitkan pelbagai garis panduan supaya agensi kerajaan tidak terkecuali dan cuai dalam menggunakan media sosial sebagai medium komunikasi (Yusof et al., 2017). Sebagai contoh, Tata Etika Penggunaan Media Sosial Oleh Warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM, 2016), Penerapan Etika Penggunaan Media Sosial dalam Sektor Awam (MAMPU, 2015), Pengurusan Media Sosial dalam Sektor Awam (MCMC, 2016) dan lain-lain lagi.

Namun demikian, sikap pengguna dalam media sosial sejak kebelakangan ini telah menjadi isu hangat yang dibicarakan dalam kalangan masyarakat di dalam negara mahupun di seluruh pelosok dunia. Hal ini demikian kerana wujud pihak yang menyalahgunakan media sosial dengan

sewenang-wenangnya tanpa amalan etika. Media sosial menjadi saluran mudah yang membolehkan mereka menyebarkan maklumat atau berita palsu, mengkhianati orang lain tanpa sumber yang benar, melakukan penipuan, menggodam maklumat sulit peribadi, memplagiat idea orang lain, menjalankan perniagaan secara haram dan mencetuskan kontroversi. Masyarakat kini semakin meminggirkan bahkan juga melupakan amalan tataetika yang sepatutnya dalam aktiviti kehidupan seharian terutamanya dalam era kemodenan ini. Menurut berita dalam Astroawani yang menyatakan bahawa CyberSecurity Malaysia mencatatkan rekod hampir lima ribu kes jenayah siber di negara ini sejak Januari lalu (Hasnan, 2020). Dengan ini, kes dilihat semakin bertambah pada April ekoran majoriti rakyat Malaysia melakukan tugas mereka secara dalam talian sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Hasnan, 2020). Peratus yang tertinggi dalam penipuan yang sering berlaku dan dihadapi dalam kalangan masyarakat Malaysia merupakan ancaman fraud (Hasnan, 2020). Lebih-lebih lagi, The Global State, Hootsuite itu telah menjalankan kaji selidik yang melibatkan dua ratus tiga puluh sembilan buah negara bagi mengetahui trend terkini pengguna laman sosial di seluruh dunia pada tahun 2018 (Kemp, 2018). Menurut laporan tersebut, pengguna sosial media di Malaysia telah meningkat sebanyak 9 peratus berbanding dengan tahun yang lalu. Secara purata, warga Malaysia meluangkan masa sekurang-kurang 3 jam seharian dalam media sosial sekali gus meletakkan negara ini antara sepuluh tertinggi di dunia (Aula, 2018). Dengan kebiasaan penggunaan media sosial secara holistik, etika semasa menggunakan media sosial dalam kalangan masyarakat wajib dipandang berat oleh semua pihak. Polisi dan garis panduan daripada pelbagai agensi menjadi keutamaan dalam mengelakkan jenayah siber berlaku. Undang-undang dan peraturan turut digubal dan dipinda seiring dengan perubahan kecanggihan teknologi untuk mengawal tataetika masyarakat semasa menggunakan media sosial. Misalnya, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Terdapat juga akta-akta yang digubal dan dipinda untuk melindungi pengguna media sosial seperti Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981, Akta 244 (Mahmud, 2020).

B. Faktor-Faktor

Di samping itu, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan isu penyalahgunaan media sosial ini berlaku. Antara faktornya termasuklah seseorang itu kurang pengetahuan atau kefahaman tentang hak sebagai seorang pengguna. Kekurangan pemahaman dalam penggunaan teknologi dengan cermat merupakan faktor utama yang mempengaruhi berlakunya jenayah siber dalam kalangan masyarakat. Oleh sebab permintaan globalisasi yang tinggi atau tidak ingin diiktiraf sebagai ketinggalan zaman, maka kebanyakan rakyat Malaysia terutamanya remaja menggunakan bahan elektronik seperti telefon bimbit, tablet dan sebagainya. Secara tidak langsung, hal ini menyumbang kepada penggunaan media sosial oleh golongan remaja yang bertujuan untuk melaksanakan tindakan kasar seperti memfitnah yang memberi impak negatif terhadap diri mereka serta rakyat di negara kita. Tambahan pula, faktor ini dapat dihubungkan dengan idea sistem ekologi yang dikembangkan oleh Bronfenbrenner. Teori sistem ekologi menerangkan bahawa perubahan zaman akan mempengaruhi persekitaran remaja pada tahap kronosistem. Jika dihubungkan dengan topik penyalahgunaan media sosial, ketidakpekaan dan ketagihan remaja terhadap media elektronik sehingga terjebak untuk menyalahgunakan media elektronik bagi tujuan negatif. Maka, jelaslah bahawa kesulitan memahami hak sebagai seorang pengguna menyebabkan berlakunya masalah media sosial dalam dunia teknologi ini. (Lee)

Seterusnya, kekurangan kawalan kedua-dua ibu bapa di rumah juga adalah antara faktor yang mencetuskan masalah penyalahgunaan media sosial. Sebagai contoh, kebanyakan ibu bapa akan bekerja sepanjang hari dan hanya akan pada waktu malam. Oleh sebab itu, kedua-dua ibu bapa kurang meluangkan masa bersama anak-anak sehingga mereka juga tidak menyedari semua pergerakan anak-anak. Apabila kekurangan pengawalan ibu bapa terhadap anak-anak mereka, maka anak-anak akan menggunakan kemudahan media sosial dengan alasan berbahaya seperti mengunjungi halaman pornografi, berkongsi berita palsu, dan sebagainya. Hal ini kerana kurangnya perhatian daripada ibu bapa terhadap anak-anak, maka anak-anak akan merasa bahawa diri mereka tidak disayangi. Oleh itu, anak-anak pasti akan menggunakan media sosial sebagai saluran untuk melepaskan kemarahan mereka. Sekiranya ingin dihubungkan dengan teori perkembangan remaja, aspek kekurangan kawalan ibu bapa juga dapat dihubungkan dengan pengembangan sistem ekologi yang diperkenalkan oleh Urie Bronfenbrenner. Faktor kekurangan

pengawasan daripada ibu bapa dapat dihubungkan terutamanya pada peringkat mikrosistem yang merupakan tahap pertama teori sistem ekologi. Bronfenbrenner menjelaskan dalam teorinya bahawa ibu bapa ialah agen sosialisasi kepada anak-anak mereka di rumah semasa peringkat mikrosistem, di mana ibu bapa mempunyai kesan yang signifikan terhadap tingkah laku anak-anak mereka. Tambahan pula, ibu bapa juga merupakan suri teladan kepada anak-anak mereka supaya anak-anak mempunyai sahsiah dan akhlak yang baik. Ibu bapa seharusnya menunjukkan contoh yang terbaik di depan anak-anak kerana anak-anak yang berusia setahun jagung akan cepat dipengaruhi dengan tingkah laku orang yang lebih dewasa daripada mereka. Ibu bapa juga harus mendidik anak mereka sejak kecil lagi kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. ("Ibu Bapa Berperanan sebagai Suri Teladan," 11 January 2017) Sebagai contoh, ibu bapa boleh meluangkan lebih masa dengan anak-anak dengan membawa mereka ke pusat membeli-belah atau ke taman rekreasi untuk bersenam bersama ataupun ibu bapa juga boleh menjadi pendengar kepada anak-anak dan mendengar segala masalah mereka. Tuntasnya, kekurangan pengawasan ibu bapa terhadap anak-anak merupakan sebab berlakunya isu penyalahgunaan media sosial.

Selain itu, sikap ingin cuba dalam diri seseorang juga membawa seseorang untuk melibatkan diri mereka dalam isu penyalahgunaan media sosial khususnya para remaja. Hal ini kerana pada fasa akil baligh, remaja cenderung dipengaruhi oleh mentaliti ingin mencuba sesuatu dalam diri mereka dimana mereka sanggup melakukan apa-apa sahaja untuk kesenangan diri mereka tanpa berfikir tentang akibat perlakuan mereka. Sebagai bukti, teori Erik Erikson mengenai psikososial yang menunjukkan bahawa remaja cenderung untuk mencuba melakukan perkara baru melalui pengaruh persekitaran dalam tahap identiti berbanding ketidakpastian identiti, sehingga kadang-kala mereka tidak menyedar bahawa tingkah laku mereka boleh memberi impak negatif kepada diri mereka sendiri atau individu di sekelilingnya. Selain itu, punca sikap ingin mencuba dalam diri seseorang pelajar juga dapat dihubungkan dengan teori remaja yang dikembangkan oleh Lawrence Kohlberg. Berdasarkan teori Kohlberg, Kohlberg menyatakan bahawa kematangan rohani atau moral diri seseorang individu akan berkembang seiring dengan umur mereka yang membolehkan mereka menganalisis tindakan yang mereka lakukan dengan menghubungkannya dengan konsep moral. ("PERKEMBANGAN MORAL DAN TEORINYA PERKEMBANGAN MORAL," 2016) Terdapat tiga peringkat perkembangan moral di mana setiap peringkat perkembangan memiliki dua tahap perkembangan yang menggambarkan perkembangan moral remaja, iaitu peringkat pra-konvensional, konvensional dan pos-konvensional. Apabila dianalisis

dengan betul, pertumbuhan moral remaja yang terlibat dalam masalah penyalahgunaan media sosial adalah pra-konvensional, iaitu pada tahap orientasi pematuhan dan hukuman. Hal ini demikian kerana tahap ini menegaskan bahawa pertumbuhan rohani manusia dipengaruhi oleh sifat egosentrik manusia serta mereka menentukan kesesuaian moral manusia untuk diri mereka sendiri di mana remaja akan percaya bahawa semua yang mereka lakukan adalah betul. Oleh itu, remaja yang menyalahgunakan media sosial, seperti mengakses halaman pornografi, merasakan bahawa tindakan mereka adalah bermoral dan tidak berbahaya seperti menembak, menipu, dan sebagainya, dan tidak ada yang boleh menyalahkan tindakan mereka. Namun hakikatnya, tindakan mereka yang menyalahgunakan media sosial sering dianggap sebagai kesalahan sivil. Maka, pemikiran remaja yang sebegini menyebabkan masalah media sosial tidak dapat diselesaikan. Maka, jelaslah bahawa sikap ingin mencuba merupakan faktor yang menyebabkan isu penyalahgunaan media sosial viral berlaku.

Kini, 'Cyberbully' atau buli siber merupakan antara salah satu isu penyalahgunaan media sosial yang kian viral berlaku. 'Cyberbully' boleh didefinisikan sebagai penyalahgunaan teknologi yang melibatkan penulisan teks atau pengunggahan bahan grafik seperti gambar atau video tentang orang tertentu di mana perkara tersebut dilakukan oleh seseorang yang mempunyai tujuan untuk mempermalukan, menganiaya, mengejek atau mengecam orang tersebut. Tambahan pula, perkara yang lebih teruk berlaku adalah teks, gambar dan video yang diunggah ke internet telah mendapat pelbagai komen dari pihak ketiga iaitu 'bystander' yang turut mengambil bahagian untuk menghina serta mempermalukan mangsa dan impak terhadap mangsa 'Cyberbully' akan semakin teruk. Isu ini juga sering berlaku dalam kalangan remaja. Isu tersebut berlaku disebabkan oleh beberapa faktor dan faktor terdiri daripada faktor internal dan faktor external. Faktor internal didefinisikan sebagai faktor dalam diri pelaku atau mangsa 'Cyberbully'. Antara contoh faktor internal termasuklah kemampuan seseorang mempunyai perasaan simpati dalam diri mereka. Seseorang yang tidak mempunyai perasaan simpati dan tidak mengenali ataupun tidak mempelajari tentang etika penggunaan media sosial yang baik biasanya sukar untuk mengawal tingkah laku mereka dalam dunia Internet. (Jalal, Idris, & Muliana, 2020) Seterusnya, karakter atau ciri peribadi seseorang juga merupakan faktor internal. Seseorang yang mempunyai jiwa yang lemah lebih cenderung untuk menjadi seorang pelaku atau korban 'Cyberbully'. Tambahan pula, ciri-ciri seseorang manusia yang menjadi pelaku yang dijelaskan oleh Camodeca dan Goossens termasuklah mempunyai identiti yang dominan serta suka bersikap agresif, mempunyai

ketidakstabilan emosi, susah untuk mematuhi peraturan, bersikap agresif terhadap orang dewasa, mempunyai sikap positif terhadap keganasan daripada kanak-kanak lain, tampak kuat dan hanya menunjukkan sedikit rasa simpati atau pertimbangan terhadap mangsa 'Cyberbully', hebat dalam mencegah keadaan sukar, melibatkan diri dalam pencerobohan proaktif seperti pencerobohan yang disengajakan untuk mencapai tujuan tertentu dan pencerobohan reaktif seperti reaksi pertahanan ketika diprovokasi. Manakala ciri-ciri yang termasuklah anak-anak menjadi mangsa penyerang 'Cyberbully' termasuklah remaja yang lemah, tidak matang, dan naif secara sosial di mana kebolehan dan pengalamannya tidak mencukupi untuknya membuat keputusan yang tepat, remaja yang mempunyai ibu bapa yang terlalu melindungi atau naif cenderung untuk mempunyai hubungan positif dengan rakan dan mempunyai akhlak yang kuat serta remaja yang mempunyai hubungan yang lemah dengan ibu bapa atau rakan sebaya serta dalam keadaan yang tertekan. (Pratiwi) Selain itu, faktor external untuk isu buli siber bermaksud faktor yang datang dari luar pelaku atau mangsa buli siber. Tamsilnya, intensiti dalam penggunaan media sosial. Semakin tinggi bilangan penggunaan media sosial, semakin besar kemungkinan remaja menjadi pembuli siber atau mangsa. Seterusnya, penggunaan internet yang meluas oleh remaja sebagai platform rangkaian yang mudah digunakan dan diakses telah menyebabkan wabak baru dalam budaya sebagai platform penyalahgunaan dalam talian seperti buli siber. Kesan alat teknologi pada remaja masa kini juga mendorong mereka untuk mengatakan dan melakukan tindakan yang berbeza dengan apa yang ditemui oleh pembuli secara berhadapan.

C. Kesan-Kesan

Sosial media telah menjadi sebahagian besar hidup kita pada zaman kini tidak kira di mana jua kita berada. Sosial media adalah tempat di mana kita berkongsi maklumat dan informasi yang datang dari segala pelosok dunia dalam masa yang singkat. Pada masa kini, hampir semua orang menggunakan sosial media untuk berhubung dan berkongsi maklumat melalui internet yang menjimatkan lebih banyak masa dan kos. Ini kerana era kita yang bergerak dengan pantas mempengaruhi pertumbuhan teknologi. Media sosial adalah idea inovatif dengan peluang yang sangat cemerlang dengan ruang tambahan untuk kemajuan. Dengan kemajuan media sosial, banyak organisasi menggunakan media ini untuk memperbaiki amalan mereka. Dengan penggunaan rangkaian sosial kita dapat mengiklankan atau berkomunikasi dengan cara yang lebih cekap. Begitu juga orang tidak perlu bergantung pada media atau TV untuk mendapatkan berita harian mereka, semuanya dapat diperoleh dari laman sosial. Orang boleh mengesan atau mendapatkan maklumat dari seluruh dunia. Pengguna mempunyai kebebasan dalam menggunakan media sosial untuk berkomunikasi dengan siapa siapa sahaja. Kebanyakannya mengabaikan etika ketika menggunakan media sosial ini. Jika ditanya kepada semua pengguna, kebanyakannya kurang mengetahui etika apa yang harus diperhatikan ketika menggunakan rangkaian sosial. Disebabkan kurangnya kesedaran masyarakat berkaitan dengan etika di media sosial, ia dapat mencetuskan beberapa masalah sosial.

Malangnya, ada sisi buruk untuk semua yang ditawarkan teknologi dan internet. Semakin banyak masa telah dihabiskan oleh masyarakat di media sosial meningkatkan kemungkinan berlakunya buli siber, kegelisahan sosial, kemurungan dan pendedahan kepada kandungan yang tidak sesuai dengan usia. Media sosial juga menjadi salah satu ketagihan. Contohnya seperti, semasa seseorang bermain dengan permainan atau menyelesaikan tugas, and berusaha untuk menyelesaikannya dengan sebaik mungkin. Sebaik sahaja anda berjaya, otak anda akan merembeskan dos dopamine dan hormon kebahagiaan lain, menjadikan anda bahagia. Mekanisme yang sama berfungsi semasa anda menghantar gambar ke media sosial. Setelah anda melihat betapa ramainya orang yang menyukai gambar dan komen positif terpapar pada skin anda, anda secara tidak sedar akan mendaftarkannya sebagai hadiah. Walaupun buli bukanlah konsep baharu, media sosial dan teknologi telah membawa buli ke tahap yang baru. Ia telah menjadi ancaman yang lebih berterusan seperti buli siber. Buli siber bermaksud penindasan melalui penggunaan

teknologi atau komunikasi elektronik yang tidak terbatas pada, pemindahan tanda, isyarat, penulisan, gambar, suara, data, teks atau kecerdasan apa pun yang dihantar secara keseluruhan atau sebahagiannya melalui radio, surat elektronik atau komunikasi Internet. Kesan pembulian siber terhadap mangsa adalah lebih kepada psikologi mangsa seperti kurang keyakinan diri, menjadi anti sosial dan dalam kes yang lebih ekstrem, mangsa mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri. (Nadia Fauzi, 2017). Perasaan takut ketinggalan. Ia boleh memaksa anda untuk mengambil telefon anda setiap beberapa minit untuk memeriksa kemas kini, atau secara komprehensif bertindak balas terhadap setiap amaran, walaupun itu bermaksud mengambil risiko semasa anda memandu, kurang tidur pada waktu malam, atau mengutamakan interaksi media sosial atas hubungan dunia nyata. Terdapat idea bahawa seseorang yang kehilangan perkara-perkara tertentu boleh mempengaruhi harga dirinya, mencetuskan kegelisahan, dan mendorong penggunaan media sosial yang lebih besar lagi. Bersendirian. Kajian di University of Pennsylvania mendapati bahawa penggunaan media sosial yang banyak dapat mengurangkan perasaan kesunyian. Sebaliknya, kajian mendapati bahawa mengurangkan penggunaan media sosial sebenarnya dapat membuat anda merasa kesepian dan terencil dan meningkatkan kesejahteraan keseluruhan anda. Kekurangan privasi. Menyekat, mencuri identiti, serangan peribadi, dan penyalahgunaan maklumat adalah beberapa ancaman yang dihadapi oleh pengguna media sosial. Selalunya, pengguna sendiri yang harus dipersalahkan kerana mereka akhirnya berkongsi kandungan yang tidak sepatutnya dilihat pada mata orang ramai. Kekeliruan timbul kerana kurangnya pemahaman tentang bagaimana elemen peribadi dan awam profil dalam talian sebenarnya berfungsi. Malangnya, apabila kandungan peribadi dipadamkan, biasanya sudah terlambat dan boleh menyebabkan masalah dalam kehidupan peribadi dan profesional seseorang terjejas. Mendorong orang untuk membentuk dan menghargai ikatan palsu daripada persahabatan sebenar.

Walaupun interaksi maya di media sosial tidak mempunyai faedah psikologi yang sama dengan hubungan tatap muka, masih banyak cara positif di mana ia dapat membantu anda terus berhubung dan menyokong kesejahteraan anda. Bersama yang buruk, datang yang baik. Dengan adanya semua masalah, sifat media sosial juga banyak mendatangkan faedah kepada manusia. Media sosial dan teknologi telah menawarkan kemudahan yang banyak termasuklah dapat berhubung dengan keluarga dan rakan di seluruh dunia melalui e-mel dan teks. Terdapat akses yang cepat ke maklumat dan penyelidikan. Perbankan dan pembayaran bil di hujung jari kami.

Pembelajaran dalam talian, kemahiran kerja, penemuan kandungan di Internet. Penglibatan sivik seperti kesedaran sosial, memberikan suara dan peluang untuk perniagaan kecil. Cari rakan dan komuniti baru dengan rangkaian orang lain yang mempunyai minat atau cita-cita yang serupa. Menyertai atau mempromosikan tujuan yang bermanfaat seperti meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu penting. Mencari atau menawarkan sokongan emosi pada masa-masa yang sukar. Mencari hubungan sosial yang penting jika anda tinggal di kawasan terpencil. Mencari jalan keluar untuk kreativiti dan ekspresi diri anda. Tanpa media sosial, masalah sosial, etika, persekitaran dan politik tidak dapat dilihat secara maksimum. Perkongsian di media sosial telah mendorong orang ramai untuk menggunakan komputer dan telefon bimbit untuk menyatakan keprihatinan mereka terhadap masalah sosial tanpa harus terlibat secara aktif dengan kempen dalam kehidupan nyata. Syarikat melihat pentingnya menggunakan media sosial untuk berhubung dengan pelanggan dan membina pendapatan. Setengah perniagaan telah menyedari bahawa mereka dapat menggunakan media sosial untuk menghasilkan wawasan, merangsang permintaan, dan membuat penawaran produk yang disasarkan. Melaksanakan rangkaian sosial di tempat kerja dapat memperkuat perkongsian pengetahuan. Hasilnya adalah untuk meningkatkan aktiviti pengurusan projek dan meluaskan penyebaran pengetahuan khusus. Media sosial mempunyai pengaruh besar terhadap pengambilan pekerja. 19 peratus pengurus pengambilan pekerja membuat keputusan pengambilan pekerja berdasarkan maklumat yang terdapat di media sosial. Rangkaian sosial seperti LinkedIn adalah platform media sosial yang penting bagi sesiapa sahaja yang ingin menonjol dalam profesion mereka. Mereka membenarkan orang membuat dan memasarkan jenama peribadi.

Media sosial boleh menjadi perkara yang baik, tetapi jika seseorang itu merasa tidak selesa mengenai sesuatu yang mereka lihat atau baca di media sosial, mereka harus mempercayai perasaan mereka sendiri dan bercakap dengan seseorang iaitu ibu bapa, guru, rakan sebaya atau orang dewasa yang dipercayai. Buli, ancaman dan kekejaman di media sosial adalah tanda bahawa orang yang melakukan perkara tersebut memerlukan pertolongan. Kebanyakan orang sering tidak mahu berkongsi perasaan mereka. Melalui teknologi rangkaian sosial mereka telah diberi pilihan untuk mengeluarkan pemikiran mereka. Sekiranya pelajar diizinkan untuk berkongsi apa yang mereka fikirkan dan rasakan, menjadi mudah bagi mereka untuk memutuskan apa yang baik dan mana yang buruk.

D. Kesimpulan

Dalam meniti arus pemodenan, kita sering kali dikaitkan dengan penggunaan media sosial yang kian meluas ke seluruh dunia. Blog, rangkaian sosial seperti Whatspps, WeChat, Instagram, Twitter dan Facebook adalah antara contoh aplikasi yang sangat penting yang mana kini ianya semakin menular dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Sejak kebelakangan ini, media sosial sekarang dilihat sebagai ancaman keselamatan terhadap masyarakat dan negara. Hal ini disebabkan oleh wujudnya golongan yang tidak bertanggungjawab yang menjadikan media sosial sebagai satu tempat untuk menyebarkan fitnah, menipu, menyamar, mencuri data peribadi orang lain dan sebagainya. Sikap tidak bertanggungjawab ini akan menyebabkan pelbagai masalah sosial seperti buli siber, pergaulan bebas, bergaduh, melawan ibubapa dan sebagainya. Persoalannya, apakah cara-cara untuk mengatasi penyalahgunaan media sosial? Hal ini kerana masalah penyalahgunaan media sosial harus dibendung agar ianya dapat mengelakkan kerosakan moral anak-anak remaja kita.

Terdapat beberapa langkah untuk mengatasi penyalahgunaan media sosial antaranya ialah peranan yang dimainkan oleh ibu bapa dalam menangani penyalahgunaan media sosial dalam kalangan anak-anak. Hal ini kerana ibu bapa adalah orang yang paling rapat dan orang pertama yang akan mendidik anak-anak mereka agar menjadi insan yang berguna. Ibu bapa perlulah memantau setiap perkara yang dilakukan oleh anak-anak ketika mereka mengakses media sosial. Dengan adanya pemantauan ibu bapa, kita boleh mengelakkan anak-anak daripada melakukan jenayah siber seperti mencetak rompak bahan media atau menggodam laman sesawang. Selain itu, ibu bapa juga mengehadkan laman web yang boleh dilayari oleh anak-anak bawah umur. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan anak-anak mengakses laman sesawang yang berunsurkan pronografi. Di samping itu, ibu bapa juga boleh meletakkan komputer di satu sudut yang terbuka seperti di ruang tamu agar ibu bapa dapat memantau setiap aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak. Ibu bapa memainkan satu peranan yang amat penting dalam mengawasi perlakuan anak-anak mereka kerana ianya menjadi satu tanggungjawab kepada ibu bapa dalam mencorakkan anak-anaknya sama ada ke arah benar ataupun salah.

Pihak sekolah juga perlu memainkan peranan dalam mengatasi masalah penyalahgunaan media sosial dengan mengadakan ceramah motivasi dan kempen kesedaran untuk pelajar tentang

penggunaan media sosial secara beretika. Melalui aktiviti ini, kita dapat memberikan kesedaran awal kepada para pelajar tentang akibat sekiranya pelajar menggunakan media sosial ke arah yang tidak sepatutnya. Di samping itu, kita boleh memberikan pengajaran nilai-nilai murni atau pengajaran moral melalui subjek Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Di sini, guru-guru memainkan peranan penting dalam menasihati pelajar agar menjadi insan yang bermoral dengan menjauhi perkara-perkara yang salah dan perkara tak sepatutnya dilakukan di dalam media sosial. Jadi, kita boleh mengatasi masalah penyalahgunaan media sosial dengan menerapkan lebih banyak nilai-nilai murni dalam diri setiap pelajar. Selain itu, pihak sekolah juga boleh membuat pemantauan iaitu dengan menyekat laman sesawang yang tidak boleh dilayari seperti laman sesawang yang mengandungi unsur keganasan atau pronografi. Hal ini dapat mengelakkan pelajar menjadi ketagihan media sosial. Seterusnya, larangan membawa telefon bimbit ke sekolah juga amatlah digalakkan. Hal ini adalah untuk mengelakkan sebarang rakaman video yang berunsur keganasan menjadi viral dan menular di dalam media sosial. Jika rakaman video ini menular, imej sekolah akan tercalar. Sebelum nasi menjadi bubur, ada baiknya segala masalah media sosial dikekang sejak di bangku sekolah lagi sebelum membarah dalam masyarakat.

Populariti media sosial ini tidak dapat disangkal lagi oleh mana-mana pihak. Masyarakat sendiri perlu bertindak pantas untuk mengawal penggunaan media sosial di dalam kalangan mereka. Masyarakat perlu menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dengan melaporkan kepada pihak polis jika terdapat penyalahgunaan media sosial. Masyarakat di kawasan komuniti masing-masing boleh mengadakan kempen kesedaran tentang amalan etika semasa menggunakan media sosial kepada remaja atau golongan belia. Kempen kesedaran ini boleh diadakan di dewan serba guna atau di balai raya. Forum atau tazkirah santai berkenaan cara penggunaan media sosial yang betul dan beretika pasti dapat membuka minda golongan muda ini untuk menerokainya dan menjauhi jenayah siber. Masyarakat juga boleh menggunakan media sosial seperti Facebook, WhatsApp atau Instagram untuk mengajak setiap ahli komuniti melakukan sesuatu yang memberi impak positif seperti berniaga dalam talian dan bertukar-tukar idea, info tentang resipi masakan bagi kaum ibu atau info pelajaran bagi mereka yang bergelar pelajar. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa masyarakat berperanan penting dalam mengawal penggunaan media sosial secara beretika.

E. Rujukan

- Aula, W. (2018). Luang 3 jam sehari, Malaysia antara pengguna media sosial tertinggi di dunia. *Astroawani*. Retrieved on, December 10, 2020 from <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/luang-3-jam-sehari-malaysia-antara-pengguna-media-sosial-tertinggi-di-dunia-169861>
- Hasnan, H. A. (2020). Hampir 5,000 jenayah siber tahun ini: Ini senarai kawalan sendiri untuk anda! *Astroawani*. Retrieved on December 14, 2020 from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hampir-5000-jenayah-siber-tahun-ini-ini-senarai-kawalan-kendiri-untuk-anda-241964>
- Ibu Bapa Berperanan sebagai Suri Teladan. (2017). Retrieved on December 15, 2020 from <http://ibubapadankeluarga.blogspot.com/2017/01/ibu-bapa-berperanan-sebagai-suri-teladan.html>
- Jalal, N. M., Idris, M., & Muliana, M. (2020). Faktor-Faktor Cyberbullying Pada Remaja. *IKRA-ITH HUMANIORA: Jurnal Sosial dan Humaniora*, 5(2), 1-9.
- Kemp, S. (2018). *Digital 2018 Global Digital Overview*. Retrieved on December 10, 2020 from <https://datareportal.com/reports/digital-2018-global-digital-overview>
- Kemp, S. (2020). *DIGITAL 2020: MALAYSIA*. Retrieved on December 10, 2020 from <https://datareportal.com/reports/digital-2020-malaysia#:~:text=There%20were%2026.00%20million%20social,at%2081%25%20in%20January%202020.>
- Lee, S. K. Isu Penyalahgunaan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja. Retrieved on December 11, 2020 from https://www.academia.edu/36050807/Isu_Penyalahgunaan_Media_Sosial_Dalam_Kalangan_Remaja. Retrieved 18 December 2020 https://www.academia.edu/36050807/Isu_Penyalahgunaan_Media_Sosial_Dalam_Kalangan_Remaja
- Mahmud, F. S. (2020). Pindaan akta lindungi pengguna media sosial. *Berita Harian Online*. Retrieved on December 10, 2020 from <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2020/08/723226/pindaan-akta-lindungi-pengguna-media-sosial>
- Malai, S. A. (2018). ETIKA : SEBAGAI PANDUAN HIDUP. *Pembentukan Etika*. Retrieved on December 10, 2020 from https://www.researchgate.net/publication/323454258_ETIKA_SEBAGAI_PANDUAN_HIDUP
- MAMPU. (2015). PENERAPAN ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM SEKTOR AWAM. Retrieved on December 8, 2020 from https://www.jmg.gov.my/component/rsfiles/download?path=dasar_dan_perundangan%252FMAMPU%252Fpenerbitan%252Fpenerapan_etika_media_sosial.pdf
- PERKEMBANGAN MORAL DAN TEORINYA PERKEMBANGAN MORAL. (2016). Retrieved on December 11, 2020 from <http://arianticahyani24.blogspot.com/2016/12/perkembangan-moral-dan-teorinya.html>
- Pratiwi, M. D. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Cyberbullying. Retrieved from <https://www.scribd.com/doc/106227383/Faktor-Faktor-Yang-Mempengaruhi-Cyberbullying>. Retrieved on December 18, 2020 from

- <https://www.scribd.com/doc/106227383/Faktor-Faktor-Yang-Mempengaruhi-Cyberbullying>
- Yusof, Z. M., Abdullah, S. N. H. S., Mokhtar, U. A., & Manap, N. A. (2017). Adab Mengguna Media Sosial. *Seminar Antarabangsa Dakwah Ke-3*. Retrieved on December 7, 2020 from https://www.researchgate.net/publication/321321574_Adab_Mengguna_Media_Sosial
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2016). Tata Etika Penggunaan Media Sosial Oleh Warga Kementerian Kesihatan Malaysia. Retrieved on 8 December, 2020 from <https://nci.moh.gov.my/index.php/ms/pengumuman/341-tata-etika-mediasosial>
- Kaplan, A. & Haenlein, M. (2010). Users of the World, Unite! The Challenges and Opportunities of Social Media. *Business Horizons*. 53,59-68. doi:10.1016/j.bushor.2009.09.003
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2016). Pengurusan Media Sosial dalam Sektor Awam. Retrieved on 8 December, 2020 from <http://bukuteks.dbp.gov.my/media/media/Ere4aYab3e.pdf>
- Iskandar, T. (2005) Kamus Dewan Edisi Keempat. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peranan / Tanggungjawab / Tindakan Setiap Ahli Keluarga dalam Menangani Implikasi Negatif Media Sosial dalam Kalangan Anak-anak. (2018, January 14). Retrieved on December 19, 2020, from Blogspot.com website: <https://sar2509-karangan-cemerlang.blogspot.com/2018/01/peranan-tanggungjawab-tindakan-setiap.html>
- LANGKAH MENGATASI PENYALAHGUNAAN INTERNET. (2017). Retrieved on December 19, 2020, from Blogspot.com website: <http://lokkong.blogspot.com/2017/09/langkah-mengatasi-penyalahgunaan.html>
- CIKGU TAN CL. (2020). TEMA SASARAN SPM - cara-cara mengawal penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat. Retrieved on December 19, 2020, from Blogspot.com website: <http://cikgutanc1.blogspot.com/2017/11/sasaran-karangan-spm-cara-cara-mengawal.html>
- Nadia Fauzi (2017). Penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan: Suatu kebaikan atau keburukan?. Retrieved on December 15, 2020 from <http://www.ilkap.gov.my/download/kertaspenyelidikan/PMSDDTS18122017.pdf>


F. Refleksi Kendiri

- Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap ahli kumpulan yang menerima saya sebagai salah satu ahli kumpulan tiga dan bersama-sama menjalankan tugas kumpulan. Proses perbincangan dengan ahli kumpulan lain bagi menentukan topik yang ingin dibicarakan telah dijalankan dengan lancar. Selepas memilih topik, kami membahagikan tugas dengan jelas. Semua ahli melaksanakan komitmen masing-masing supaya tugas kumpulan kami dapat diselesaikan dengan berjaya dan baik. Tugas ini telah memberi peluang kepada saya untuk mengetahui lebih dalam tentang amalan etika semasa menggunakan media sosial dan masalah-masalah yang timbul akibat amalan etika semakin dipinggirkan oleh masyarakat kini. Sebagai seorang pengguna media sosial, saya akan memanfaatkan penggunaan media sosial dengan mengamalkan tataetika semasa menggunakan media sosial agar keselamatan serta keamanan sendiri dan orang lain dapat terjamin.
- Pertama sekali, saya sangat berterima kasih dan bersyukur kerana mempunyai ahli kumpulan yang hebat dan penuh dengan dedikasi kerana mereka telah banyak membantu saya semasa menulis laporan ini. Sepanjang menulis laporan ini, saya telah mempelajari banyak mengenai isu penyalahgunaan media sosial, etika semasa menggunakan media sosial, faktor isu ini berlaku dan impaknya. Isu penyalahgunaan media sosial ini adalah perkara yang sangat serius dan perkara ini tidak boleh dianggap remeh kerana ianya boleh membunuh seseorang secara mental. Oleh itu, kita haruslah menjadi seorang pengguna media sosial yang beretika dan bertamadun dengan selalu menerapkan etika-etika penggunaan media sosial dalam diri sendiri demi kesejateraan diri dan negara.

- Saya amat berterima kasih kepada semua ahli kumpulan kerana banyak membantu saya ketika menulis laporan ini. Saya juga amat menghargai setiap tenaga yang dicurahkan oleh semua ahli kumpulan dalam menyelesaikan tugas ini. Melalui tugas ini, saya dapat belajar mengenai isu atau masalah sosial yang menular di kalangan masyarakat serta cara-cara untuk mengatasi masalah penyalahgunaan media sosial. Penyalahgunaan media sosial amatlah penting untuk dibendung kerana ianya mampu merosakkan nilai-nilai moral dalam diri setiap orang. Masalah ini juga akan menyebabkan kesan-kesan yang buruk kepada diri sendiri, masyarakat dan negara. Oleh itu, penggunaan media sosial perlu dikawal dan ditapis bahunya daripada perkara yang boleh membawa kita ke arah gejala negatif yang berkaitan dengan media sosial.
- Saya amat bersyukur dan ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli kumpulan saya yang banyak membantu saya semasa menulis laporan ini. Saya juga amat bersyukur kerana mendapat ahli kumpulan yang memberikan komitmen yang sepenuhnya sepanjang melaksanakan tugas ini. Saya juga amat menghargai setiap tenaga yang dicurahkan oleh semua ahli kumpulan dalam menyelesaikan tugas tersebut. Semua ahli kumpulan melaksanakan tugas ini dengan bersikap bekerjasama bagi memastikan tugas tersebut berjaya. Tugas ini telah membantu saya untuk mendapat satu persepsi mengenai amalan etika semasa menggunakan media sosial. Bukan itu sahaja, saya juga mengetahui beberapa masalah yang semakin berleluasa akibat peminggiran amalan etika oleh semua masyarakat yang menggunakan media sosial. Saya juga telah sedar bahawa sebagai seorang pengguna sosial, saya akan memastikan saya mengikuti norma- norma etika dalam media sosial bagi menjamin kesejahteraan dan kesejahteraan diri saya sendiri dan masyarakat di sekeliling saya.

- Ahli kumpulan saya telah banyak memberikan kerjasama dalam merealisasikan tugas kumpulan ini. Setelah menulis dan mengkaji berkaitan topik ini, telah banyak yang saya pelajari. Setiap orang mempunyai peranan masing-masing. Dari ibu bapa, guru, rakan-rakan dan juga seluruh masyarakat. Untuk mengelakkan buli siber berlaku, setiap orang perlu berhati-hati dengan apa yang mereka katakan di internet. Kita sendiri perlu berhati-hati dengan perkara yang boleh disiarkan di khalayak ramai. Kita juga perlulah memilih apa yang dapat dilihat atau apa yang tidak dapat dilihat oleh pengguna internet. Oleh itu, kita harus berhati-hati dengan apa yang kita hantar di internet dan berhati-hati dengan siapa yang kita pilih untuk memberitahu masalah yang kita hadapi. Mempunyai begitu banyak beban dan menyimpan segala-galanya sendiri mungkin adalah terlalu berat untuk seseorang. Jadi, kongsi masalah anda dengan seseorang yang anda percayai. Saya akan berusaha sedaya upaya untuk tidak berkongsi setiap maklumat peribadi di media sosial dan berusaha sebaik mungkin untuk menahan diri daripada mengucapkan kata-kata yang menyakitkan hati seseorang di internet. Sebelum menyiarkan apa-apa, saya perlu memastikan bahawa kata-kata yang saya pilih untuk kekal di internet tidak menyakitkan perasaan sesiapa. Oleh itu, saya harap saya dapat lebih berhati-hati pada masa akan datang agar saya tidak diganggu oleh pembuli siber.

G. Lampiran



Purposes of using social media

Challenging the Social Media Moral Panic

Preserving Free Expression under Hypertransparency

By MILTON MUELLER

EXECUTIVE SUMMARY

Social media are now widely criticized after enjoying a long period of public approbation. The kinds of human activities that are coordinated through social media, good as well as bad, have always existed. However, these activities were not visible or accessible to the whole of society. As conversation, socialization, and commerce are aggregated into large-scale, public commercial platforms, they become highly visible to the public and generate storable, searchable records. Social media make human interactions hypertransparent and displace the responsibility for societal acts from the perpetrators to the platform that makes them visible.

This hypertransparency is fostering a moral panic around social media. Internet platforms, like earlier new media technologies such as TV and radio, now stand accused of a stunning array of evils: addiction, fostering terrorism and extremism, facilitating ethnic cleansing, and even the destruction of democracy. The social-psychological dynamics of hypertransparency lend themselves to the conclusion that social media cause the problems they reveal and that society would be

improved by regulating the intermediaries that facilitate unwanted activities.

This moral panic should give way to calmer reflection. There needs to be a clear articulation of the tremendous value of social media platforms based on their ability to match seekers and providers of information in huge quantities. We should also recognize that calls for government-induced content moderation will make these platforms battlegrounds for a perpetual intensifying conflict over who gets to silence whom. Finally, we need a renewed affirmation of Section 230 of the 1996 Telecommunications Act, which shields internet intermediaries from liability for users' speech. Contrary to Facebook's call for government-supervised content regulation, we need to keep platforms, not the state, responsible for finding the optimal balance between content moderation, freedom of expression, and economic value. The alternative of greater government regulation would absolve social media companies of market responsibility for their decisions and would probably lead them to exclude and suppress even more legal speech than they do now. It is the moral panic and proposals for regulation that threaten freedom and democracy.

Milton Mueller is Professor at the Georgia Institute of Technology's School of Public Policy and director of the Internet Governance Project.

News statistics on the problematic and challenging social media ethics



Data on why people use social media